



SERTAI KAMI DAN JADILAH SEBAHAGIAN DARIPADA PELAKSANA TRANSFORMASI PENGURUSAN HARTA INTELEK DI MALAYSIA

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang bertanggungjawab kepada pendaftaran dan pentadbiran sistem harta intelek seperti cap dagangan, paten, hak cipta, reka bentuk perindustrian dan susun atur litar bersepadu di Malaysia.

Misi kami ialah membangun, mempertingkatkan serta menambahbaik infrastruktur perundangan harta intelek dan sistem pentadbiran yang cekap melalui eksploitasi harta intelek (HI).

Seiring dengan kemajuan MyIPO yang dinamik, kami mempelawa warganegara Malaysia yang memenuhi kelayakan dengan penghasilan kerja berprestasi tinggi bagi mengisi kekosongan jawatan di **MyIPO**.

SYARAT-SYARAT ASAS

Kami mempelawa calon-calon yang mempunyai kebolehan seperti berikut:-

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik. Kebolehan menguasai bahasa lain adalah diberi keutamaan;
- Berkebolehan mengendalikan komputer di dalam *word processing*, *spreadsheet* dan *powerpoint*;
- Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif, berkeyakinan tinggi dan kemahiran berkomunikasi di semua peringkat;
- Boleh bekerja sebagai satu pasukan serta boleh melakukan kerja-kerja di bawah penyeliaan yang minimum; dan
- Berkemampuan melakukan pelbagai tugas dalam masa yang ditetapkan dan boleh bekerja di bawah tekanan.

1. PEGAWAI PEMERIKSA PATEN – (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelekt
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Bertugas di **Bahagian Kejuruteraan Paten** atau **Bahagian Sains Paten & Pengetahuan Tradisional**;
- Menjalankan kajian dan pemeriksaan ke atas permohonan paten dan perbaharuan utiliti dalam bidang berkaitan mengikut kehendak Akta Paten 1983, Peraturan - Peraturan Paten 1986 dan pindaan ke atasnya;
- Menasihati Pendaftar Paten untuk meluluskan atau menolak permohonan paten/ perbaharuan utiliti;
- Menjalankan pemeriksaan dari aspek keselamatan dan kepentingan Negara terhadap permohonan paten dan perbaharuan utiliti (Seksyen 30A);
- Mengkategorikan setiap permohonan paten/ perbaharuan utiliti berdasarkan Klasifikasi Paten Antarabangsa (*International Patent Classifications*) untuk membantu kerja-kerja kajian dan pengagihan permohonan kepada pemeriksa paten;
- Menasihati Pendaftar Paten berkenaan dengan hal-hal teknikal dan undang-undang berkaitan paten;
- Menjalankan kajian dan pemeriksaan substantive (Seksyen 30) secara terperinci kepada permohonan-permohonan paten/perbaharuan utiliti dan pindaan-pindaan terhadapnya untuk menentukan samada permohonan tersebut mengikut Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten 1986;
- Menjalani latihan berkaitan; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang-bidang seperti yang berikut;
 - **Kejuruteraan Komputer/ Telekomunikasi;**
 - **Kejuruteraan Elektrik/ Elektronik/ Elektronik Perubatan;**
 - **Kejuruteraan Mekanikal/ Pembuatan;**
 - **Biologi (pengetahuan dalam bidang Pengetahuan Tradisional serta mempunyai pengalaman dalam mendokumentasikan data sumber Biologi adalah diberi keutamaan); atau**
bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- **Keutamaan diberikan kepada calon yang berkemahiran dalam Bahasa Inggeris.**

2. PEGAWAI HARTA INTELEK - (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Bertugas di **Bahagian Reka Bentuk Perindustrian & Susun Atur Litar Bersepadu**;
- Menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Penolong Pendaftar di bawah perundangan harta intelek;
- Memproses dan mengendalikan permohonan pendaftaran seperti kebolehdaftaran, semakan dan pemeriksaan substantif berkaitan permohonan Reka Bentuk Perindustrian;
- Membuat keputusan yang tepat dan konsisten ke atas permohonan pendaftaran berdasarkan Akta, Peraturan-Peraturan dan lain-lain perundangan yang berkaitan;
- Membuat kajian, kemaskini manual/ garis panduan dan *Standard Operation Procedure (SOP)*/ undang-undang berkaitan bidang tugas;
- Berkebolehan dalam memberikan khidmat nasihat, menyampaikan taklimat dan ceramah kepada pelanggan serta mewakili MyIPO dalam program-program luar; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Industri/ Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk/ Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT - (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Merangka dan menulis teks ucapan untuk majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi;
- Merangka dan menulis kenyataan akhbar, berita dan artikel untuk organisasi;
- Merangka, menyelaras dan melaksana pelan media (media massa, media digital dan media lain) bagi tujuan promosi dan publisiti;
- Menyelaraskan kempen/ publisiti organisasi serta melaksanakannya di semua platform media sosial rasmi MyIPO dan media lain;
- Menjalinkan hubungan baik dengan pengamal media;
- Menyelaraskan dan memantau kandungan portal rasmi MyIPO;
- Menyelaraskan pertanyaan dan aduan di media sosial rasmi MyIPO; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa/ Ijazah Sarjana Muda dalam bidang komunikasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- **Mempunyai pengalaman dalam bidang perhubungan awam/ media/ kewartawanan sekurang-kurangnya lima (5) tahun.**

4. PENOLONG PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT - (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred	:	IP10
Skala Gaji	:	RM1,963.00 – RM6,123.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Menjalankan tugas sebagai jurufoto untuk majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi MyIPO serta membuat suntingan gambar;
- Menyediakan bahan-bahan kreatif seperti infografik, e-card, poster untuk sebarang aktiviti promosi, acara rasmi dan tidak rasmi serta ucapan perayaan untuk dimuatnaik di media sosial dan media lain;
- Menyediakan serta menyunting video untuk tujuan promosi di media sosial;
- Membantu menyediakan bahan-bahan penerbitan organisasi untuk edaran dalaman dan luaran; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Diploma Fotografi dan Pengimejan Kreatif yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- **Mempunyai pengalaman dalam bidang fotografi dan seni kreatif sekurang-kurangnya tiga (3) tahun**
- **Mempunyai asas pengetahuan dalam suntingan video; dan**
- **Aktif di media sosial merupakan satu kelebihan.**

5. PEMANDU – (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred	:	IP14
Skala Gaji	:	RM1,188.00 – RM3,251.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta menjaga kenderaan/ jentera di bawah kelolaannya agar sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Lulus Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- Memiliki lesen memandu Kelas B/ D/ E/ E1/ E2 berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P); dan
- **Keutamaan kepada mereka yang boleh memandu, memiliki motor dan tahu jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.**

Permohonan hendaklah menggunakan **BORANG PERMOHONAN JAWATAN KOSONG MyIPO** yang boleh diperolehi dengan memuat turun di laman web kami bersama-sama sesalinan sijil-sijil dan gambar berukuran pasport terkini.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat dan ditulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri atas sampul surat dan menyerahkan borang tersebut **selewat-lewatnya pada 16 Januari 2023** kepada:

**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
UNIT B-18-1, MENARA UOA BANGSAR
NO. 5 JALAN BANGSAR UTAMA 1
59000 KUALA LUMPUR
(u.p.: Bahagian Sumber Manusia)**

Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.

PENTING:

- 1) Pemohon hendaklah menyertakan Surat Akuan Pengiktirafan Diploma/ Ijazah daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan semakan pengiktirafan boleh dibuat di alamat web berikut: (<http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>) atau (<https://www2.mqa.gov.my/mqr/>); dan
- 2) Pemohon hendaklah menyertakan SIJIL VAKSINASI LENGKAP 2 DOS COVID-19 (diwajibkan) serta dos penggalak (jika ada).